

## SOALAN LAZIM

### JPT (Kemasukan Ke IPTA)

#### Soalan Lazim bagi kemasukan pelajar ke IPTA (UPU) Jabatan Pengajian Tinggi

#### Permohonan

1. **Bilakah pelawaan iklan Permohonan Kemasukan ke IPTA bagi Sesi Akademik 2008/2009 disiarkan?**

Pelawaan iklan permohonan kemasukan ke IPTA bagi Sesi Akademik 2008/2009:

1. Lepas Diploma/Setaraf: 06 Januari 2008
2. Lepas STPM/STAM: 03 Februari 2008
3. Lepas SPM/Setaraf: 03 Februari 2008

2. **Bilakah Pemohon boleh mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA?**

Permohonan kemasukan ke IPTA bagi Sesi Akademik 2008/2009 boleh dikemukakan mengikut program melalui Aplikasi Dalam Talian mulai tarikh seperti berikut;

1. Lepas Diploma/Setaraf: 07 Januari 2008 (capaian mulai 12 tengah hari)
2. Lepas STPM/STAM: 04 Februari 2008 (capaian mulai 12 tengah hari)
3. Lepas SPM/Setaraf: 04 Februari 2008 (capaian mulai 12 tengah hari)

3. **Bilakah tarikh tutup Permohonan Kemasukan ke IPTA Sesi Akademik 2008/2009?**

Tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut:-

- (a) Lepas Diploma/Setaraf- 07 Februari 2008
- (b) Lepas STPM 2007 - 10 hari bekerja selepas keputusan STPM 2007 diumumkan
- (c) Lepas STAM 2007,2006,2005- 10 hari bekerja selepas keputusan STAM tahun 2007
- (d) Lepas SPM- (Kategori B, C dan D) – 04 Mac 2008
- (e) Lepas SPM 2007- 10 hari bekerja selepas keputusan SPM tahun 2007

**4. Bagaimanakah untuk mendapatkan borang permohonan kemasukan ke IPTA ?**

Mulai Sesi Akademik 2008/2009, tiada sebarang penjualan boring permohonan kerana permohonan kemasukan ke IPTA adalah melalui Aplikasi Dalam Talian sepenuhnya.

Terdapat 2 kaedah untuk mendapatkan Number Unik ID bagi permohonan kemasukan ke IPTA melalui Aplikasi Dalam Talian:

- I. Pesanan secara pukal melalui sekolah;
- II. Pembelian terus di kaunter BSN terpilih di seluruh Negeri sehari selepas iklan;

**5. Perlukah saya sertakan salinan sijil sebagai bukti mengesahkan penglibatan Kokurikulum?**

Tidak perlu. Maklumat Kokurikulum akan diselaraskan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia.

**6. Adakah saya perlu menghantar salinan borang permohonan bersama dokumen sokongan ke IPTA pilihan?**

Lepasan STPM/Setaraf – Hanya Kategori Lepasan Diploma/Setaraf yang perlu mencetak maklumat permohonan dan menghantar bersama-sama dengan salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan ke IPTA pilihan.

Lepasan SPM/Setaraf – Pemohon Lepasan SPM Kategori C dan D sahaja yang perlu mencetak maklumat permohonan dan menghantar bersama-sama dengan salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan ke IPTA pilihan.

**7. Bilakah keputusan permohonan ke IPTA Sesi Akademik 2008/2009 diumumkan?**

Program Pengajian Lepasan STPM/Setaraf – Minggu akhir Jun 2008.

Program Pengajian Lepasan SPM/Setaraf – Minggu pertama Mei 2008.

**8. Bolehkah pemohon Bukan Warganegara memohon kemasukan ke IPTA Bagi Program Lepas SPM/Setaraf?**

Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf terbuka kepada WARGANEGARA sahaja.

**9. Bolehkah pemohon Bukan Warganegara dari Luar Negara atau Penduduk Tetap memohon kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lepas STPM /Setaraf?**

Pemohon Bukan Warganegara dari Luar Negara diminta memohon terus ke IPTA pilihan melalui Pejabat Pendaftar Bahagian Akademik dan Kemasukan dengan menggunakan borang khas yang disediakan oleh IPTA berkenaan.

Pemohon bertaraf Penduduk Tetap perlu memohon melalui Aplikasi Dalam Talian ke BPKP JPT untuk Permohonan Kemasukan ke IPTA.

**10. Adakah pemohon dibenarkan membuat pertukaran/ pindaan kod program pengajian selepas mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA?**

Pemohon hanya boleh mengemaskini maklumat sebanyak 3 kali sahaja. Selepas 3 kali peluang kemaskini, pemohon tidak dibenarkan lagi membuat pengubahsuaian maklumat.

**11. Adakah pemohon dibenarkan menukar program pengajian yang ditawarkan oleh sesebuah IPTA?**

Tidak dibenarkan.

**12. Adakah pemohon dibenarkan menukar IPTA setelah menerima tawaran?**

Tidak dibenarkan.

**13. Apakah yang perlu saya buat jika ibu bapa tiada sijil kelahiran atau sijil kelahiran hilang?**

Anda boleh mendapatkan cabutan sijil lahir yang hilang atau tercicir di Jabatan Pendaftaran Negara terdekat ATAU dapatkan surat sumpah dari Mahkamah.

**14. Apakah dasar MUET dalam permohonan kemasukan ke IPTA bagi Sesi Akademik 2008/2009?**

Pemohon perlu mendapatkan tahap 1 (Band 1) dalam peperiksaan MUET bagi kelayakan Lulusan STPM/Setaraf yang memohon ke Program Pengajian Ijazah Pertama di IPTA.

**Hebahan/ Pertanyaan**

**15. Bagaimanakah untuk mendapatkan status keputusan permohonan ke IPTA bagi program Pengajian Lulusan STPM/Setaraf ATAU program pengajian Lulusan SPM/Setaraf?**

Anda boleh meyemak status keputusan permohonan ke IPTA melalui 3 kaedah berikut:

(i) UPUinfoLINE – 600-83789

(ii) Internet

- <http://www.mohe.gov.my>
- <http://www.jpt.uum.edu.my>
- <http://www.jpt.utm.my>

(iii) SMS Taip UPU<space><No KP> dan hantar kepada 32300

**16. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan tajaan ke IPTA?**

Anda diminta merujuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di alamat berikut untuk maklumat lanjut:

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional  
Lot G2 Tkt. Bawah Wisma Chase Perdana  
Off Jalan Semantan, Damansara Height  
50490 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2098 3731/3732  
Fax: 03-2098 3769

Jika ada soalan-soalan lain berkenaan dengan kemasukan ke IPTA, sila kemukakan ke alamat e-mail kami:

[upu@mohe.gov.my](mailto:upu@mohe.gov.my)

## **Aplikasi Dalam Talian**

- 17. Adakah kata laluan perlu dimasukkan semasa proses permohonan dan apakah bentuk format yang boleh dimasukkan dalam ruangan kata laluan?**

Semasa proses permohonan, anda diwajibkan memasukkan tiga elemen iaitu Nombor Kad Pengenalan, Unik ID dan Kata Laluan. Kata Laluan perlulah ringkas iaitu terdiri daripada enam(6) hingga lapan (8) aksara 'alphanumeric' sahaja supaya ianya mudah untuk diingati oleh anda.

- 18. Sekiranya saya kehilangan Nombor Unik ID setelah membuat permohonan, apakah langkah atau cara terbaik untuk saya melaksanakan proses kemas kini atau semakan permohonan?**

Sekiranya anda kehilangan Nombor Unik ID semasa permohonan Fasa 1 dan Fasa 2, anda boleh menggunakan Kata Laluan yang telah didaftarkan semasa permohonan awal untuk membuat proses kemas kini maklumat permohonan atau semakan permohonan.

Sekiranya anda kehilangan Nombor Unik ID dan tidak mengingati Kata Laluan, anda perlu memaklumkan kepada kaunselor Kolej Matrikulasi, Pegawai PASUM dan Koordinator Asasi UiTM untuk penyelarasan dengan pihak BPKP.

- 19. Saya membeli Nombor Unik ID dan mendapati Nombor Unik ID yang dibeli di BSN sama dengan rakan saya, apakah terdapat sebarang kesilapan yang mungkin timbul di BSN dan apakah ciri-ciri keselamatan yang diterapkan dalam Aplikasi Dalam Talian ini?**

Tiada sebarang kesilapan Nombor Unik ID yang dihasilkan oleh BSN walaupun anda mendapati Nombor Unik ID anda sama dengan rakan anda, dan ini adalah kerana semua penghasilan Nombor Unik ID adalah berdasarkan Nombor Kad Pengenalan.

Bagi mengemukakan permohonan, anda perlu memasukkan Nombor Kad Pengenalan, Nombor Unik ID dan Kata Laluan. Ini menunjukkan anda dan rakan anda yang mempunyai Nombor Unik ID yang sama akan memasukkan Nombor Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang berbeza.

20. **Bagaimanakah caranya untuk saya mengetahui program pengajian yang dipilih adalah program pengajian yang ada temu duga?**

Program pengajian yang ada temu duga boleh dikenal pasti dengan adanya tanda (#) di bahagian akhir nama program. Contoh adalah seperti berikut:-

KH03 - Sarjana Muda Senibina #

21. **Adakah saya perlu menghantar apa-apa dokumen seperti salinan Kad Pengenalan, Slip Keputusan dan sebagainya kepada IPTA atau BPKP?**

Anda **tidak perlu** menghantar apa-apa dokumen kepada IPTA atau BPKP walaupun memilih program pengajian yang ada temu duga. Walau bagaimanapun, anda perlu mengemukakan dokumen/ sijil asal ketika menghadiri temu duga.

22. **Saya ingin mencetak semua maklumat yang telah dimasukkan, adakah saya boleh mencetak maklumat permohonan semasa mengisi maklumat?**

Maklumat permohonan hanya boleh dicetak setelah anda selesai iaitu setelah klik butang "Sah & Hantar". Cetakan daripada laman SEMAKAN dan laman SELESAI PERMOHONAN/KEMASKINI sahaja yang boleh dicetak dan dijadikan bukti dan rujukan bahawa permohonan anda telah selamat diterima oleh sistem.

Maklumat permohonan yang dicetak selain daripada laman ini, TIDAK boleh dijadikan bukti permohonan kemasukan ke IPTA telah berjaya dilakukan oleh anda.

**23. Bagaimanakah saya boleh ketahui yang maklumat saya telah selamat diterima oleh sistem ?**

Pemohon boleh mengetahui sama ada maklumat telah diterima atau belum dengan memastikan setelah klik butang “Sah & Hantar”, paparan “Selesai” dipaparkan. Selain itu, pemohon juga boleh membuat Semakan Permohonan bagi mengetahui status penerimaan sistem atas maklumat yang telah dihantar.

**24. Semasa permohonan Fasa 1, saya belum menduduki peperiksaan semester kedua untuk memperolehi keputusan akhir Matrikulasi/ KPM/ PASUM, oleh itu bagaimanakah saya ingin membuat pilihan program pengajian bagi kemasukan ke IPTA?**

Anda boleh membuat pilihan program pengajian semasa permohonan Fasa 1 berdasarkan keputusan Semester Pertama dan setelah keputusan semester akhir diketahui, anda boleh membuat pengemaskinian pilihan program pengajian semasa permohonan Fasa 2 dibuka berdasarkan keputusan sebenar.

Perlu diingatkan program pengajian yang mempunyai ujian dan temu duga tidak boleh diubah semasa Fasa 2 sekiranya calon telah membuat pilihan program bertemu duga semasa Fasa 1.

**25. Adakah pemohon wajib menduduki ujian MEdSI dan Temu duga dan bilakah Ujian MEdSI dan Temu Duga dijalankan bagi Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan?**

Calon yang ingin mengikuti Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan diwajibkan menduduki ujian MEdSI dan temu duga yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Hanya calon yang memenuhi Syarat Am serta Syarat Khas program sahaja akan dipanggil untuk menghadiri ujian MEdSI.

Hebahan mengenai ujian MEdSI boleh disemak mulai 10 April 2008 di laman web Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my)